

**Najib Yakin Pasukan BN Akan Merubah M'sia Ke Tahap Lebih Tinggi**  
**Bernama**  
**20 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 20 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yakin pasukan Barisan Nasional (BN) yang bertanding dalam pilihan raya ke-13 (PRU13) akan membawa Malaysia berubah ke tahap lebih tinggi.

"Hari ini ialah hari penamaan calon. Saya yakin pasukan BN yang bertanding akan merubah Malaysia ke tahap yang lebih tinggi," katanya dalam mesej Twitter pagi ini.

Najib hari ini menyerahkan kertas pencalonan untuk mempertahankan kerusi parlimen Pekan yang dipegangnya sejak 1976, pada pukul 9.08 pagi di pusat penamaan yang diadakan di Dewan Konvensyen Sultan Haji Ahmad Shah, Pekan, Pahang.

Sementara itu semua pencalonan bagi PRU13 ditutup pada pukul 10 pagi di 222 pusat penamaan di seluruh negara selepas dibuka selama satu jam untuk menerima pencalonan bagi 222 kerusi parlimen dan 505 kerusi dewan undangan negeri yang dipertandingkan.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 30 April untuk pengundian awal dan 5 Mei untuk pengundian biasa, memberi ruang selama 15 hari mulai hari ini untuk calon-calon berkempen.

Sejumlah 13,268,002 orang layak untuk mengundi pada pilihan raya umum ini dan 275,341 daripadanya ialah pengundi awal.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=943663>